

Rakan2 BN akan terus beri kerjasama

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pemimpin-pemimpin Parti Komponen Barisan Nasional hari ini mengalu-ngalukan kemenangan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden dan perantikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed sebagai Presiden UMNO yang baru.

Mereka yakin, di bawah pimpinan baru itu, kerjasama yang erat sebagaimana yang dilakukan oleh Datuk Hussein Onn akan terus ditingkatkan.

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, dalam satu kenyataan berkata, MCA akan terus mengekalkan kerjasama tradisial yang diwujudkan dengan UMNO.

Katanya, MCA berharap Menteri Kawangan, Tengku Razaleigh Hamzah yang dikalahkan oleh Datuk Musa untuk jawatan Timbalan Presiden akan terus memberi sumbangan kepada Kerajaan dan Negara.

Beliau mengucap tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir atas pemilihannya sebagai Presiden UMNO dan kemenangan Datuk Musa Hitam sebagai timbalannya.

Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan berkata, rakyat akan terus menikmati faedah dari pimpinan baru UMNO, sebagaimana yang dilakukan oleh Datuk Hussein Onn.

Bercakap kepada para pemberita di Kuala Trengganu setelah mengadap Sultan Trengganu hari ini beliau

berkata, pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO telah dijalankan mengikut lunas-lunas demokrasi.

Katanya, proses demokrasi UMNO dalam memilih pemimpin haruslah dihormati.

Presiden MIC, Datuk Samy Vellu dalam ucapan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa mensifatkan mereka sebagai pemimpin yang dinamik dan progresif.

Berucap di mesyuarat perwakilan MIC Johor di Segamat hari ini, Datuk Samy Vellu berkata, beliau yakin rakyat dari semua kaum akan terus berusaha bagi mencapai matlamat pembangunan.

Beliau memberi jaminan bahawa MIC akan terus bekerjasama, rapat dengan UMNO dan lain-lain parti komponen Barisan Nasional untuk kemajuan masa depan.

Di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh yang juga Presiden Berjaya, memberi jaminan bahawa Partinya akan terus memperkukuhkan persefahaman yang sedia wujud dengan pucuk pimpinan yang baru.

"Kami akan terus bekerjasama rapat dengan pucuk pimpinan,

UMNO yang baru dalam usaha menjamin kepentingan negara dan rakyat", katanya sebaik pulang dari menghadiri pembukaan Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur.

Datuk Harris mensifatkan Presiden UMNO yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed sebagai orang yang paling berkualiti untuk menggantikan Datuk Hussein Onn.

Katanya, rakyat tidak harus gusar tentang pertukaran pucuk pimpinan kerana pemimpin-pemimpin negara sentiasa adil dan memikirkan kepentingan rakyat.

Ahli Parlimen Ulu Selangor, Datuk Michael

Chen yang juga ahli Gerakan menyatakan yakinnya atas pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Datuk Musa Hitam.

Sementara itu, Naib Cancellor Universiti Malaya, Professor Di Raja, Ungku Aziz juga yakin bahawa Datuk Musa akan terus berjuangan meningkatkan mutu pelajaran di negara ini.

Bagaimanapun, beliau berharap, Tengku Razaleigh Hamzah perlu terus berkhidmat membantu Kerajaan kerana tenaga beliau masih diharapkan.

Di Muar, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Cawangan Johor mengalu-ngalukan pemilihan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam.

Setiausahanya, Encik Anthony Lim berkata, golongan guru merasa gembira dengan pemilihan Datuk Musa

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia